

16/03/2002

Sumber air alternatif perlu dicari

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

ISU air menjadi tumpuan utama akhbar Malaysia Nanban (Nanban) dan Tamil Nesan (Nesan) minggu ini, terutama kebimbangan mengenai kemungkinan catuan air terpaksa diadakan semula jika musim kemarau terus berpanjangan.

Nesan, dalam editorialnya, menekankan bahawa kerajaan perlu memikirkan mengenai sumber alternatif mendapatkan bekalan air dan bukan hanya bergantung kepada kawasan tadahan hujan dan empangan yang sedia ada.

Akhbar itu melaporkan banyak sumber semula jadi air negara masih belum dimanfaatkan untuk kegunaan harian rakyat, sebaliknya banyak yang terbuang begitu saja ke dalam longkang atau sungai.

Mengikut laporan Nesan, walaupun negara mempunyai banyak simpanan air bawah tanah, kurang dua peratus daripadanya digunakan untuk keperluan penduduk berbanding Amerika Syarikat iaitu lebih 60 peratus simpanan air bawah tanah digunakan bagi keperluan harian rakyatnya.

Editorialnya juga menegur cara pengagihan air menggunakan lori tangki di sekitar Lembah Klang kerana masih banyak kawasan yang tidak dikunjungi lori berkenaan walaupun sudah lebih empat hari bekalan air terputus.

Nanban, dalam editorialnya, melaporkan kira-kira 4,000 kanak-kanak di seluruh negara tidak berpeluang memasuki alam persekolahan setiap tahun, manakala sekitar 20,000 daripada 400,000 pelajar yang bersekolah menghentikan pembelajaran selepas memasuki tahun tiga.

Justeru, akhbar itu mengalu-alukan tindakan kerajaan memperkenalkan undang-undang lebih ketat mulai tahun depan bagi memastikan ibu bapa tidak gagal mendaftar anak mereka bersekolah apabila mencapai umur wajib.

Berdasarkan peruntukan akta yang dicadangkan itu, ibu bapa boleh dikenakan hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda tidak lebih daripada RM5,000 dan Nanban menyifatkan pendekatan itu sebagai langkah terbaik bagi meningkatkan tahap celik huruf negara.

Nesan dan Nanban turut melaporkan mengenai peruntukan kerajaan hampir RM15 juta untuk pembinaan sekolah Tamil di seluruh negara, yang diumumkan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu awal minggu ini.

Kata Samy, peruntukan terbabit adalah bagi memperbesarkan serta membaik pulih 15 sekolah yang kini dalam pelbagai peringkat pembinaan dan dijangka siap menjelang 2005.

Mengenai pilihan raya kecil Ketari di Pahang, Nesan melaporkan bahawa MIC sudah menubuhkan lima jawatankuasa khusus bagi memastikan kempen meraih 871 undi masyarakat India untuk Barisan Nasional (BN) menjadi kenyataan.

Kerusi yang kosong berikutan kematian wakil rakyat daripada Gerakan, Datuk Loke Koon Kam, itu akan menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Gerakan, Yum Ah Ha, seorang peguam dan Choong Siew Onn yang berkemungkinan besar menjadi pertaruhan DAP.

Mengikut akhbar itu, undi kaum India tidak wajar dipandang remeh walaupun ia agak kecil kerana pada pilihan raya umum 1999, mendiang Loke yang dicabar Choong hanya memenangi pertandingan itu dengan perbezaan 231 undi.

Sementara itu, temu ramah pengarang akhbar berbahasa Cina dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu menjadi tumpuan utama semua akhbar itu minggu lalu.

Perdana Menteri dilaporkan sebagai berkata, Akta Pendidikan 1996 tidak membenarkan kerajaan menutup Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC).

Justeru, katanya, jika kerajaan Barisan Nasional (BN) bertindak sesuka

hati menutup SRJKC, masyarakat Cina boleh mendakwa kerajaan.

Beliau turut memberi jaminan kerajaan tidak akan menghapuskan SRJKC melalui penubuhan Sekolah Wawasan.

Bagaimanapun, katanya, ia adalah keadaan tidak sihat jika pelbagai kaum terus hidup dalam komuniti masing-masing dan menghantar anak ke sekolah jenis kebangsaan.

Sementara itu, Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata, beliau berpendapat Pasukan A dan B dalam MCA yang sebelum ini pernah berjumpa dengannya untuk memberi penjelasan dan saling tuduh-menuduh antara satu sama lain, masing-masing bersalah.

Beliau berkata, tindakan kedua-dua puak itu yang enggan bertolak ansur dan saling mementingkan diri sendiri, tidak akan memanfaatkan masyarakat Cina.

Perdana Menteri berpendapat, krisis dalaman MCA susah untuk diselesaikan kerana kedua-dua puak tidak ingin bekerjasama dan tidak akan bertolak ansur.

Beliau berpendapat, kedua-dua puak harus membuat pengorbanan kerana tiada pihak yang dapat memenangi semuanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, terpulang kepada kerajaan Sabah dan Sarawak untuk menentukan sama ada rakyat Semenanjung yang ingin ke negeri itu perlu menggunakan pasport.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat terpaksa akur dengan syarat itu walaupun mereka tidak berapa puas hati kerana ia adalah jaminan Kerajaan Pusat kepada Sabah dan Sarawak pada masa itu.

Sementara itu, analisis semasa Sin Chew Jit Poh, Selasa lalu berpendapat kawasan padat penduduk Cina seperti Bukit Tinggi dan Ketari akan menjadi tumpuan calon BN dan DAP untuk meraih undi.

Penulis berpendapat, kawasan yang berpenduduk Melayu dan campuran turut tidak ketinggalan menjadi tempat meraih undi kedua-dua calon. Bagaimanapun, cara memancing undi parti pembangkang tidak akan menjadi sehebat BN.

BN pada pilihan raya umum lalu hilang banyak undi masyarakat Melayu dan penulis berpendapat kemenangan kali ini akan ditentukan melalui undi masyarakat Cina dan Melayu.

Bagaimanapun, untuk DAP kekal mendapat undi masyarakat Melayu agak susah kerana keadaan sudah tidak sama seperti dua tahun lalu kerana Pengarah Kempen Pilihan Raya Kecil BN, Datuk Seri Adnan Yaakob akan berusaha mendapat sokongan masyarakat Melayu semula.

(END)